

**Pastikan Menang Dulu Baru Tentukan Siapa PM, Kata MB Kedah  
Bernama  
20 November, 2012**

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Keputusan untuk memilih siapa yang bakal dilantik sebagai Perdana Menteri jika pakatan pembangkang menang seharusnya dibuat selepas pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata beliau tidak mahu terlalu yakin dan akan pastikan pakatan pembangkang menang terlebih dahulu sebelum memikirkan siapa calon Perdana Menteri.

"Macam di Kedah pakatan rakyat memerintah, PAS ada 16 kerusi, dulu PKR ada lima, sekarang tinggal tiga dan DAP ada satu. PKR tak minta jadi Menteri Besar dan DAP pun dia tahu, biarlah yang majoriti jadi Perdana Menteri kecuali ketua tu gila, kita bagilah orang lain.

"Tunggulah pilihan raya dulu, baru kita putuskan siapa jadi Perdana Menteri, jangan over confident (terlalu yakin), esok kita menang pilihan raya kita tau la siapa jadi Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan Negeri untuk 2013 di Dewan Undangan Negeri, di sini Selasa.

Beliau diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng yang berkata parti itu tetap dengan pendirian bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dipilih sebagai Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710277>